

BAB DUA

KONSEP MAHAR DAN HANTARAN MENURUT ISLAM

2.1. Pendahuluan

Seperti yang telah diketahui, amalan perkahwinan selalunya berhubungkait dengan mahar, ini kerana amalan tersebut merupakan suatu unsur yang amat penting dalam sesebuah perkahwinan. Mahar ini telah diperkenalkan sejak dari zaman *jahiliyyah*. Oleh pada zaman ini mahar dijadikan sebagai ganti rugi ataupun pembelian yang dibayar oleh calon suami kepada pihak isterinya sebelum berkahwin. Kenyataan ini dapat diketahui, bahawa mahar yang diberikan oleh pihak lelaki telah menjadi hak mutlak bagi wali perempuan.¹⁸

Selepas kedatangan Islam, Nabi Muhammad s.a.w. telah melanjutkan tradisi pemberian mahar tersebut dengan mengisikan ke dalamnya ajaran Islam, sehingga maknanya berubah sama sekali¹⁹ dan menjelaskan peraturan perkahwinan yang telah disyariatkan dengan naş-naş yang termaktub di dalam al-Qur`ān dan al-hadīth. Ini kerana amalan tersebut tidak bercampur dengan budaya orang tempatan yang tidak disyariatkan.

Mahar menjadi hak mutlak bagi perempuan yang dinikahi. Walaupun demikian ia bukan merupakan syarat daripada sahnya sesuatu perkahwinan. Perkahwinan tetap

¹⁸Lihat T. Jafizham (2010), *Persintuhan Hukum di Indonesia dengan Hukum Perkawinan Islam*, c. 3. Jakarta: PT. Mestika, h. 202.

¹⁹ Sidi Gazalba (1981), *Di Ambang Pintu Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, h. 45.

menjadi sah tanpa menyebut mahar semasa akad dengan syarat ia telah dipersetujui oleh pasangan yang akan berkahwin kerana ia bukanlah rukun dalam perkahwinan. Walau bagaimanapun tidak boleh melakukan persetujuan antara kedua-dua belah pihak untuk menafikan pemberian mahar dalam perkahwinan seperti dalam *nikah al-shighār*.²⁰

Manakala pemberian hantaran perkahwinan merupakan sebahagian dari proses yang telah menjadi tradisi dalam kalangan masyarakat. Amalan tersebut telah rapat dalam kehidupan masyarakat hingga sekarang yang terkadang disalah ertikan sebagai kemewahan. Oleh itu, timbul anggapan bahawa hantaran perkahwinan lebih penting daripada mahar yang diwajibkan.

2.2. Definisi Mahar

Di dalam al-Qur`ān ada beberapa istilah yang digunapakai untuk menjelaskan pengertian mahar. Pertama, mahar disebut dengan *farīdah*, maksudnya suatu kewajiban yang mesti dibayar suami untuk menjadi hak isteri, dalam firman Allah :

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفَرَّضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً

Maksudnya: “Tidaklah kamu bersalah (dan tidaklah kamu menanggung maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk mereka.”

Sūrah al-Baqarah (2): 236

Daripada ayat di atas ia menjelaskan bahawa jika suami menceraikan isterinya sebelum dicampuri dan jumlah mahar belum ditentukan, maka suami tidak berkewajiban

²⁰ Sālim Ibn `Abd al-Ghanī al-Rāfi`ī (2002). *Ahkām al-Aḥwāl al-Shakḥsiyyah li al-Muslimīn fī al-Gharb*. Beirut-Lubnan: Dār Ibn Ḥazm, h. 450, 468.

membayar mahar. akan tetapi suami diwajibkan memberi mut`ah kepada bekas isterinya bersesuaian dengan kemampuannya.²¹

Sementara dalam ayat yang lain dinyatakan:

وَإِنْ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا
فَرَضْتُمْ إِلَّا أَنْ يَعْفُونَ أَوْ يَعْفُوا الَّذِي بِيَدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ

Maksudnya: “Dan jika kamu ceraikan mereka sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka, padahal kamu sudah menetapkan kadar maskahwin untuk mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang telah kamu tetapkan itu, kecuali jika mereka mema'afkannya (tidak menuntutnya); atau (pihak) yang memegang ikatan nikah itu mema'afkannya (memberikan maskahwin itu dengan sepenuhnya).”

Sūrah al-Baqarah (2): 237

Ayat ini menyatakan tentang kewajiban membayar setengah dari mahar yang telah ditentukan apabila seorang suami menceraikan isterinya sebelum ia bercampur bersama dengannya,²² kecuali jika isteri tersebut tidak menuntut maharnya.

Kemudian dalam firman Allah yang lain :

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ
فِيمَا تَرَضَيْتُمْ بِهِ مِنْ بَعْدِ الْفَرِيضَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya: “Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maharnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah); dan tiadalah kamu berdosa

²¹ Lihat al-Imām Abī al-Fidā` Ismā`il Ibn `Umar Ibn Kathīr al-Dimashqī, (2004), *Tafsīr Ibn Kathīr*, j.1.Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 400.

²² *Ibid.*, h. 401-402.

mengenai sesuatu persetujuan yang telah dicapai bersama oleh kamu (suami isteri), sesudah ditetapkan mahar itu (tentang cara dan kadar pembayarannya). Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Sūrah al-Nisa` (4): 24

Ayat ini menunjukkan bahawa mahar wajib diberikan kepada isteri yang sudah bersama dengan suaminya sebagai suatu perkara yang wajib, disebabkan suami mendapatkan nikmat bersetubuh (*istimta`*) dari isteri.²³

Istilah yang kedua yang menunjukkan mahar adalah *ṣadaqun*, seperti disebut dalam al-Qur`ān :

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ
هَنِيئًا مَّرِيئًا

Maksudnya: “Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin- maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwin nya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.

Sūrah al-Nisā` (4): 4

Ayat ini menjelaskan bahawa suami hendaklah memberikan mahar kepada isterinya sebagai tanda suatu kewajipan. Namun suami tidak dilarang untuk menggunakan mahar tersebut apabila isterinya dengan rela hati memberikan sebahagian daripada maharnya untuk digunakan suaminya.²⁴

²³ Lihat *ibid*, h. 650.

²⁴ Lihat *ibid*, h. 619.

Istilah yang ketiga ialah *ajrun* yang bermaksud upah atau gaji²⁵, untuk menunjukkan kata mahar. Seperti yang sudah dijelaskan sebelumnya dalam surah al-Nisa' (4): 24, bahawa isteri yang sudah dicampuri mesti dibayar mahar sebagai suatu kewajipan.

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ بِفَرِيضَةٍ

Maksudnya: “Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maharnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah).”

Sūrah al-Nisā` (4): 24

Sementara dalam al-Māidah (5): 5 disebutkan:

وَالْحَصْنَتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْحَصْنَتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسْفِحِينَ وَلَا مَتَّخِذِي أَخْدَانٍ

Maksudnya: “Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya diantara perempuan-perempuan yang beriman dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatan dari kalangan orang-orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka maskahwin nya, sedang kamu (dengan cara yang demikian), bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan.”

Sūrah al-Māidah (5): 5

²⁵ Abu Yazid el-Bustommy (2003), *Kamus Al-Mukhtar: Melayu-Arab, Arab-Melayu*, c.2, Selangor: Thinker`s Library. 386.

Ayat ini menjelaskan bahawa halal menikahi wanita beriman yang menjaga kehormatannya atau wanita-wanita daripada ahli kitab yang baik-baik dengan syarat mesti membayar mahar.²⁶

Daripada ayat-ayat yang telah disebutkan diatas dapat diambil kesimpulan bahawa mahar dalam al-Qur'an menggunakan beberapa istilah, iaitu *faridah*, *ṣadaq* dan *ajrun*. Istilah *faridah* lebih digunakan untuk menunjukkan kes perceraian yang terjadi sebelum atau selepas hubungan seksual (*istimta`*) dengan isteri. Sementara istilah *ṣadaq* untuk menunjukkan semasa akan berkahwin, selanjutnya istilah *ajrun* digunapakai untuk status mahar tersebut.²⁷

Adapun perkataan *nihlah* yang disebutkan dalam surah al-Nisa` (4): 4, bermaksud kewajipan memberi mahar dengan rela hati.²⁸

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً

Maksudnya: "Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin- maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib".

Sūrah An-Nisā'(4): 4

²⁶ Quraish Shihab berpandangan bahawa izin berkahwin dengan ahli kitab dalam ayat ini merupakan jalan keluar dalam hal mendesak ketika itu. Kerana kaum muslimin semasa dahulu sering berpergian jauh untuk melaksanakan jihad tanpa membawa keluarga mereka. Selain itu juga perkahwinan tersebut untuk menyebarkan agama Islam. Lihat M. Quraish Shihab (2005), *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan & Keserasian al-Qur'an*, c.4, j. 3, Ciputat: Lentera Hati, h. 31.

²⁷ Khairuddin Nasution (2005), *Hukum Perkahwinan I, dilengkapi perbandingan UU Negara Muslim Kontemporer (edisi revisi)*. Yogyakarta: ACCAdeMia + TAZAFFA, h. 135.

²⁸ al-Imām Abī al-Fidā` Ismā`il Ibn `Umar Ibn Kathīr al-Dimashqī, (2004), *op. cit.* h. 619.

Manakala beberapa ulama berbeza pendapat dalam mengertikan perkataan *nihlah* tersebut. Al-Qurṭubī mengertikan sebagai pemberian yang penuh keikhlasan daripada suami tanpa mengharapkan balasan, kemudian Qatādah mengertikan sebagai kewajiban yang telah ditetapkan, manakala Ibn Jurai`j dan Ibn Zaid mengertikannya dengan kewajiban tertentu.²⁹ Pendapat yang lain pula mengatakan bahawa *nihlah* diambil dari kata *al-Nahl*, bermaksud lebah. Lelaki yang mencari harta yang halal umpama lebah mencari bunga, yang kelak menjadi madu yang disarikan dari pelbagai bunga. Hasil usaha serta jerih payah sucinya itulah yang akan diserahkan kepada calon isterinya sebagai suatu kewajiban.³⁰ Dari pengertian *nihlah* yang ada, dapat dikembangkan dalam keadaan sekarang sebagai pemberian tanpa mengharapkan balasan sebagai tanda kesetiaan dan rasa cinta dan kasih sayang. Lebih detil lagi dapat diertikan dengan pemberian yang tulus tanpa mengharapkan sedikitpun imbalan, ia juga dapat bererti agama, pandangan hidup sehingga mahar yang diserahkan itu, merupakan bukti kebenaran dan ketulusan hati sang suami yang diberikannya tanpa mengharapkan imbalan, bahkan diberikannya kerana didorong oleh tuntutan agama atau pandangan hidup.³¹

Akan tetapi perkataan mahar lebih sering digunapakai oleh masyarakat daripada perkataan yang lainnya, hal tersebut kerana mahar merupakan perkataan Arab yang telah umum digunapakai. Manakala pada masyarakat Arab ia disebut *al-ṣadāq* berasal dari kata *ṣadaqa-yaṣduqu* berasal daripada *wazan fa'ala yaf'ulu*, bererti kejujuran atau

²⁹ Ibn `Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1993), *al-Jamī` li Ahkām al-Qur`ān*, j. 3, Beirut-Lubnān: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 18.

³⁰ Hamka (1987), *Tafsir al-Azhar*, j.4. Jakarta: Pustaka Panjimas, h. 260.

³¹ Lihat M. Quraish Shihab (2005), *op. cit.*, j. 2, h. 346.

berkata benar.³² Dinamakan demikian sebagai lambang kebenaran dan keinginan untuk berkahwin, kerana mahar didahului oleh janji antara lelaki dan perempuan untuk berkahwin. Maka pemberian itu merupakan bukti kebenaran janji tersebut.³³ Al-Qur`an sendiri tidak menggunakan kata mahar atau *muhur*, melainkan menggunakan kata *ṣadaq*, khususnya ketika menyebut status mahar seperti yang telah disebutkan dalam al-Nisa` (4): 4, sebab *al-mahr* ternyata sama maksudnya dengan kata *mohar* dalam bahasa Hebrew, dan *mahra* dalam bahasa Syriac (Syria), iaitu sejumlah harta yang dibayarkan kepada orang tua pihak perempuan. Selain itu, dari segi bahasa (*etimologi*) kata *al-mahr*, *mohar* dan *mahra* mempunyai erti yang sama iaitu harga sebagai ganti rugi. Pada awalnya orang arab tidak akan melepaskan anak perempuannya tanpa ganti rugi.³⁴ Tambahan pula, istilah ini juga digunapakai dalam erti untuk menguasai wanita.³⁵ Oleh yang demikian maka pihak lelaki yang akan berkahwin hendaklah memberikan wang ganti rugi yang bersesuaian kepada kedua orang tua pihak perempuan tersebut.

Daripada istilah-istilah di dalam al-Qur`ān tersebut terdapat pengertian-pengertian yang berbeza-beza, akan tetapi masih mempunyai makna yang serupa antara pengertian yang satu dengan yang lain.

Pengertian secara `amm, mahar merupakan suatu pemberian dari seseorang lelaki kepada seseorang wanita yang akan dinikahinya.³⁶ Selain itu, secara khusus dalam kamus bahasa Melayu mahar disebut juga dengan maskahwin iaitu pemberian yang

³² Ahmad Warson Munawwir (1984), *Kamus Munawwir*. Yogyakarta: Ponpes Krapyak, h. 824.

³³ M. Quraish Shihab (2005), *op. cit.*, j. 2, h. 346.

³⁴ Khairuddin Nasution (2005), *op. cit.*, h. 168.

³⁵ T. Jafizham (2010), *op. cit.*, h. 201.

³⁶ Syamsul Rizal Hamid (2008), *Buku Pintar Agama Islam*, c. II, Bogor: LPKAI Cahaya Salam, h. 453.

diberi kepada pengantin perempuan,³⁷ yang dalam masyarakat Melayu disebut juga dengan belanja tubuh, iaitu pemberian wajib dalam perkahwinan mengikut Islam.³⁸ Manakala ulama` *madhhab* Syafi`i mengertikan sebagai harta yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya disebabkan berlakunya *akad* nikah.³⁹

Dalam Kompilasi Hukum Islam Indonesia yang berkaitan dengan hukum perkahwinan, bab I pasal 1 mendefinisikan “mahar sebagai pemberian dari calon pihak lelaki kepada calon pihak perempuan, samada dibayar dengan barang, wang atau jasa yang tidak bercanggah dengan hukum Islam”.⁴⁰

Walaupun definisi-definisi tersebut berbeza rumusannya, namun mempunyai makna yang sama bahawa mahar merupakan pemberian yang diwajibkan dari lelaki kepada perempuan disebabkan adanya perkahwinan yang sah menurut hukum syarak.

2.3. Sebab – sebab diwajibkan Mahar

Para ulama telah bersependapat bahawa perkahwinan yang sah dan persetujuan mewajibkan mahar kepada perempuan.⁴¹ Manakala beberapa ulama berbeza pandangan dalam sebab-sebab yang lainnya.

³⁷ Noresah bt Baharom (2005), *Kamus Dewan*, edisi ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 975.

³⁸ Yacoob Harun (1995), *Keluargaan dan Perkahwinan Melayu: Konsep Asas*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, h. 98.

³⁹ Mustafā Al-Khan, Mustafā al-Bughā & `Alī al-Sharbajī (1992), *op. cit*, h.75.

⁴⁰ Kompilasi Hukum Islam Indonesia, bab 1, pasal 1.

⁴¹ `Alī Ibn Aḥmad Ibn Ḥazm (tt), *Marātib al-Ijmā` fī al-`Ibādāt wa al-Mu`āmalāt wa al-I`tiqādāt*. Beirūt: Dār al-Kutub `Ilmiyah, h. 69

1. Sebab perkahwinan yang sah.

Perkahwinan yang sah merupakan sebab diwajibkan pemberian mahar kepada perempuan walaupun perempuan tersebut belum dicampuri. Hal ini bersesuaian dengan ketetapan yang diberikan Ibnu Mas`ūd kepada seorang wanita yang suaminya meninggal sebelum bercampur dengannya:

عن ابن مسعودٍ - رضي الله عنه - أنه سئل عن رجل تزوج امرأة ولم يفرض لها صداقاً، ولم يدخل بها حتى مات، فقال ابن مسعودٍ: لها مثل صداق نساءها لا وكس ولا شطط، وعليها العدة ولها الميراث، فقام معقل بن سنان الأشجعي فقال: « قضى رسول الله - صلى الله عليه وسلم - في برّوع بنت واشيق، امرأة منا، مثل الذي قضيت » ففرح بها ابن مسعودٍ⁴²

Maksudnya: “Daripada Ibnu Mas`ūd (r.a) bahawa ia ditanyai mengenai lelaki yang mengkahwinkan perempuan dan maharnya belum sempat diberikan dan belum pula dicampuri hingga lelaki tersebut meninggal. Maka Abdullah bin Mas`ūd menjawab: “(perempuan yang ditinggal mati oleh suaminya dan belum dicampuri berhak mendapatkan mahar seperti perempuan-perempuan lain. Ia tidak dikurangi dan tidak pula lebih. Dia wajib ber`iddah dan berhak mendapat warisan.” Ma`qil bin Sinān al-Ashja`iyy pun berdiri dan berkata: “Aku bersaksi bahawa sesungguhnya pendapatmu itu bersesuaian dengan apa yang diputuskan Rasulullah s.`a. w. ketika memberikan keputusan hukum kepada Barwa` binti Wāshiq. Maka gembiralah Ibnu Mas`ūd (dengan keputusannya)

Abu Hanifah pula bersetuju bahawa akad nikah ialah sebab diwajibkan mahar, kerana akad nikah mesti diganti dengan mahar. Karena itu, kalau akad nikah sudah sah bererti mahar wajib dibayar. Ia berpandangan dengan terjadinya akad (*ijab* dan *qabul*), isteri menjadi hak suami. Untuk kepemilikan itu suami wajib membayar mahar bukan kerana untuk bercampur (*istimtā`*), kerana *istimtā`* merupakan amalan yang mesti

⁴² Al-Tirmidhī (tt), *Sunan Tirmidhī*, “Kitāb al-Nikāh” , no. hadīth 1145. Riyād: Maktabah al-Ma`ārif, h. 271.

dilakukan oleh suami isteri yang sah.⁴³ Berasaskan firman Allah SWT yang menjelaskan:

وَأُحِلَّ لَكُمْ مَا وَرَاءَ ذَلِكَ أَنْ تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُمْ مُحْصِنِينَ غَيْرَ
مُسْفِحِينَ

Maksudnya: “Dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu, untuk kamu mencari (isteri) dengan harta kamu secara bernikah, bukan secara berzina.”

Sūrah al-Nisā` (4): 24

Maka fungsi kata *bi* pada kalimat بِأَمْوَالِكُمْ pada ayat ini menunjukkan memiliki dengan jalan mengganti. Menunjukkan ganti sebagai suatu keutamaan, iaitu dengan membayar mahar.⁴⁴ Maka menjadi hak perempuan untuk mendapatkan haknya dengan suatu ketetapan atau kadar dari harta benda yang dimiliki lelaki yang ingin bernikah dengannya.

Namun demikian, pada waktu akad mahar dianggap sebagai suatu kewajipan yang belum mempunyai ketetapan, iaitu masih lagi terdedah kepada kemungkinan berlakunya pengguguran samada sebahagian ataupun separuh daripadanya selagi tidak ada *muakkad*, iaitu berlaku perkara yang memastikan ataupun sebab yang memperkuat harusnya memberi mahar sepenuhnya kepada perempuan tanpa berlakunya pengguguran

⁴³ Sālim Ibn `Abd al-Ghanī al-Rāfi`ī (2002). *Op. cit*, h. 448.

⁴⁴ Lihat Shams al-Dīn al-Sarkhasī (1978), *al-Mabsūṭ*, c. 3, jil, 3, juz. 5, Beirut-Lubnān: Dār al-Ma`rifah, h. 63.

mahar tersebut.⁴⁵ Secara ringkas terdapat 3 perkara yang memperkuat ditetapkan wajib pemberian mahar kepada perempuan setelah perkahwinan yang sah.⁴⁶

- (1) Persetubuhan (*dukhul haqiqi*) dengan isteri.
- (2) *Khalwat* yang sah atau sebenar.
- (3) Kematian salah seorang daripada suami isteri samada sebelum atau selepas berlaku persetubuhan.

Akan tetapi para ulama masih berbeza pendapat dalam kewajipan memberi mahar pada perkara *khulwah ṣaḥīḥah*. Abu Hanifah berpendapat *khulwah ṣaḥīḥah*⁴⁷ sebab diwajibkannya mahar dan berlakunya ‘*iddah* bagi perempuan, samada telah dicampuri ataupun tidak.⁴⁸ Pendapat ini berasaskan hadīth al-Dār Quṭnī yang berbunyi:

عن محمد ابن عبد الرحمن ابن ثوبان قال: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ كَشَفَ خِمَارَ امْرَأَةٍ وَنَظَرَ إِلَيْهَا فَقَدْ وَجَبَ الصَّدَاقُ، دَخَلَ بِهَا أَوْ لَمْ يَدْخُلْ بِهَا"⁴⁹

Maksudnya: *Daripada Muhammad ibn `Abd al-Rahmān ibn Thawbāni berkata: Rasulullah s. `a.w. telah bersabda: "Sesiapa yang membuka tudung kepala perempuan dan melihat kepadanya maka ia telah diwajibkan mahar, samada telah bercampur dengannya ataupun belum (bercampur) dengannya"*

⁴⁵ Muḥammad Nabīl Sa`īd al-Thādhālī (1989), *al-Aḥkam al-`Usrah fi al-Fiqh al-Islamī*. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-Arabiyyah, h. 200.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Khulwah ṣaḥīḥah* yang dimaksud berada dalam satu tempat (berdua sahaja) antara lelaki dan perempuan yang tidak ada penghalang dan uzur *shar`I* (seperti puasa wajib, haid atau sakit) untuk bersetubuh, samada mereka telah bercampur ataupun tidak. Lihat Aḥmad bin `Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ (1992), *Aḥkām al-Qur`ān*, j. 2. Beirut-Lubnān: Dār Ahyā` al-Turāth al-`Arabī, h. 148. Lihat juga Sālim Ibn `Abd al-Ghanī al-Rāfi`ī (2002). *Op. cit.*, h. 473.

⁴⁸ Peunoh Daly (2003), *Hukum Perkahwinan Islam: Suatu Kajian Di Kalangan Ahlus-Sunnah dan Negara-negara Islam*, c. 5. Selangor: Thinker`s Library Sdn. Bhd, h. 225.

⁴⁹ `Alī ibn `Umar al-Dār Quṭnī (1993), *Sunan al-Dār Quṭnī, Kitāb al-Nikāh*, no. hadith. 232, jil. 2, juz. 3. Beirut-Lubnan: Dār Ahyā` al-Turāth al-`Arabī, h. 207.

Begitu juga dengan apa yang telah ditetapkan `Umar Ibn al-Khaṭṭab bahawa apabila terlihat aurat wanita yang dikahwini maka wajib baginya mahar.⁵⁰ Akan tetapi apabila pernikahan tersebut diharamkan maka maharnya pun menjadi haram.⁵¹ Manakala Syafi`i berpandangan dalam *khulwah ṣaḥīḥah* perempuan tersebut hanya dibayar setengah daripada mahar, tetapi ia tidak diwajibkan ‘iddah dalam kes ini.⁵²

2. Sebab persetubuhan

Seterusnya persetubuhan juga merupakan sebab diwajibkan pemberian mahar kepada perempuan. Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T, bahwa bercampur (*istimta`*) merupakan sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan oleh Allah untuk membayar mahar kepada perempuan.

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا تَرَاضَيْتُمْ بِهِ مِنْ بَعْدِ الْفَرِيضَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya: “Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maskahwinnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah); dan tiadalah kamu berdosa mengenai sesuatu persetujuan yang telah dicapai bersama oleh kamu (suami isteri), sesudah ditetapkan maskahwin itu (tentang cara dan kadar pembayarannya). Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Sūrah al-Nisā` (4): 24

⁵⁰ Aḥmad Farj (1987), *al-‘Usrah fī Ḍaw‘i al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Wafā`, h. 88.

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Ibn `Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1993), *op. cit.*, h. 68.

Demikian juga apabila berlaku persetubuhan dalam sebuah perkahwinan yang *fāsid*, mahar tetap wajib diberi kepada perempuan tersebut. Hal ini seperti dalil yang diriwayatkan oleh ‘Āishah ra. yang berbunyi:

حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ، قَالَ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ، عَنِ ابْنِ جُرَيْجٍ، عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ مُوسَى، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنْ عُرْوَةَ، عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحْتِ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيِّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحَلَّ مِنْ فَرْجِهَا، فَإِنْ اشْتَجَرُوا فَالْأَسْلُطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ".⁵³

Maksudnya: *Diriwayatkan ibn Abī `Umar telah berkata: diriwayatkan Sufyān ibn `Uyaynah daripada ibn Jurayjin, daripada Sulaimān ibn Mūsā, daripada al-Zuhriy, daripada `Urwah, daripada `Āishah bahawa Rasulullah s. `a.w telah berkata: "Mana-mana perempuan yang berkahwin dengan tidak setahu walinya maka nikahnya tersebut adalah batal.(3X) Apabila yang mengahwininya telah menyetubuhinya maka baginya mahar sebab persetubuhan itu. Jika pihak wali enggan mengahwinkannya, hakimlah yang menjadi wali bagi seseorang yang tidak ada walinya"*

Maka perkataan *istahalla* pada ayat *bimā istahalla min farjihā* dalam hadīth di atas bermaksud bersetubuh (*istamta`a*)⁵⁴ yang telah dilakukan oleh suami isteri tersebut. Akan tetapi kerana perkahwinan tersebut tanpa seizin wali perempuan maka perkahwinan tersebut dianggap *fāsid*.

2.4. Pembahagian Mahar

Para *Fuqahā`* telah membahagikan mahar kepada dua, iaitu:

⁵³ Al-Tirmidhī (tt), *op. cit*, no. hadīth 1102, h. 259.

⁵⁴ Muḥammad Ibn `Abd al-Raḥmān Ibn `Abd al-Raḥīm al-Mubarak Furi (tt), *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥi Jāmi` al-Tirmidhī*, j. 4. Kaherah : Dār al-Fikr al-`Arabī, h. 228.

i. *Mahar al-Musamma*

Mahr al-musamma merupakan mahar yang disebut dalam *akad* dan ditentukan kadarnya oleh kedua-dua pihak.⁵⁵ Dalam cara pembayaran seperti ini ada yang dibayar dengan segera oleh suami atau *mahr al-musamma al-mu`ajjal* dan ada pula yang dibayar secara tangguhan atau cara berhutang atau *al-musamma al-muajjal*.⁵⁶

Antara syarat-syarat mahar *musamma* yang perlu diambil kira, ialah:⁵⁷

1. Akad perkahwinan hendaklah *akad* yang sah, merangkumi semua rukun-rukun yang utama dan syarat-syarat *akad*.
2. Penyebutan mahar hendaklah disebutkan dengan jelas, samada semasa *akad* perkahwinan atau sebelum *akad*.
3. Mahar yang hendak diberikan merupakan harta yang bernilai atau berharga, dan mahar *musamma* yang akan diberikan hendaklah tidak kurang daripada mahar *mithil*. Kerana apabila kurang daripada mahar *mithil* maka wali dari pihak perempuan berhak untuk meminta perkahwinan tersebut dibatalkan.⁵⁸

Bagaimanapun, apabila salah seorang di antara suami atau isteri meninggal sebelum bercampur, ulama bersepakat suami tetap wajib membayar mahar *musamma* sepenuhnya. Ini kerana Nabi s.a.w. pernah menetapkan sedemikian kepada seorang

⁵⁵ Muḥammad Nabīl Sa`īd al-Thādhālī (1989), *op. cit*, h. 194.

⁵⁶ Mat Saad Abd. Rahman (2006), *Undang-undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Selangor: Intel Mutimedia dan Publication, h. 44.

⁵⁷ Muḥammad Nabīl Sa`īd al-Thādhālī (1989), *op. cit*, h. 195.

⁵⁸ *Ibid.*

wanita yang bernama Barwa`a binti Wāshiq yang ditinggal mati suaminya sebelum bercampur, berasaskan hadīth Nabi yang di riwayatkan oleh Ibnu Mas`ūd (r.a)⁵⁹ bahawa ia ditanya mengenai lelaki yang mengkahwini perempuan dan maharnya belum sempat diberikan dan belum pula dicampuri hingga lelaki tersebut meninggal, ia menyatakan “*Perempuan yang ditinggal mati oleh suaminya dan belum dicampuri berhak mendapatkan mahar seperti perempuan-perempuan lain. Ia tidak dikurangi dan tidak pula lebih. Dia wajib ber`iddah dan berhak mendapat warisan*”. Kematian dalam kes ini tidak membatalkan perkahwinan, kematian hanya merupakan titik akhir dari kehidupan duniawi, antara keduanya masih tetap berlaku hukum warisan.⁶⁰

ii. Mahar Mithl

Mahar mithl, ialah mahar munasabah untuk isteri yang dikahwini berdasarkan mahar yang pernah diterima oleh keluarga dan karib kerabatnya, seperti adik-beradik kandungnya yang lain.⁶¹ Dengan maksud yang sama mahar yang disukai pada adatnya berdasarkan mahar perempuan yang sebanding dengan isterinya dari segi keturunan dan sifat dari kalangan wanita `aṣabahnyanya.⁶²

Kadar mahar *mithil* hendaklah ditentukan berdasarkan kepada keluarga isteri sebelah bapanya⁶³. Adapun tertibnya seperti berikut:

⁵⁹ Lihat hadith lebih lanjut di bab dua, h. 27.

⁶⁰ Peunoh Daly (2003), *op. cit.*, h. 225.

⁶¹ Muḥammad Nabīl Sa`īd al-Thādhālī (1989), *op. cit.*, h. 195. Juga Osman bin Jantan (2001), *Pedoman Mu`malat dan Munakahat*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, h. 177.

⁶² Mohd Saleh Haji Ahmad, (2009), *Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam*, Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid, h, 55.

⁶³ *Ibid.*

1. Saudara perempuan seibu sebapa.
2. Saudara perempuan sebapa.
3. Anak saudara perempuan seibu sebapa.
4. Anak saudara perempuan sebapa.
5. Emak saudara perempuan seibu sebapa.
6. Emak saudara perempuan sebapa.

Bila mahar wanita yang diatas tidak diketahui, maka hendaklah diambilkira mahar keluarga rahimnya, dengan melihat kepada: mahar ibunya, kemudian saudara perempuan seibu, nenek perempuan, ibu saudara sebelah ibu, anak perempuan bagi saudara perempuan seibu kemudian anak perempuan bagi emak saudara sebelah ibu. Jikalau keluarga perempuan sebelah ibunya tidak ada juga hendaklah diambilkira mahar wanita-wanita *ajnabiyyah* tempatan dari kalangan wanita yang ada persamaan sifat-sifatnya disamping nasab, seperti umur, akal, rupa paras, susah senang, *wara`*, *iltizam* dengan Islam, taqwa, ilmu pengetahuan, serta gadis atau janda.⁶⁴

Mengikuti pendapat para *Fuqahā`* mahar *mithil* wajib diberikan kepada isteri dalam beberapa keadaan tertentu:

- (1) Apabila dalam akad yang sah tidak ditentukan kadar maharnya atau rosaknya mahar *musamma* sebelum diterima oleh isteri dan isteri menolaknya.⁶⁵

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ `Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1938), *al-Ashbāh wa al-Nazāir*. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 426.

- (2) Mahar telah ditentukan dalam akad, tetapi dengan sesuatu yang tidak sah mengikut syarak, seperti arak, daging babi dan sebagainya (walaupun isteri yang dikahwini seorang *masihiyyah*), ataupun sesuatu yang berharga tetapi tidak diketahui dengan jelas klasifikasinya, seperti bentuk dan jenisnya.⁶⁶
- (3) Suami isteri bersepakat untuk berkahwin tanpa pemberian mahar dalam perkahwinan mereka. Maka dalam hal ini isteri mendapat mahar *mithil*, kerana mahar amalan yang telah disyariatkan oleh syarak dalam sesebuah akad perkahwinan yang sah tidak dapat dinafikan.⁶⁷

Selain yang tersebut diatas, contoh kes yang mewajibkan mahar *mithil* seperti terjadinya akad nikah *fāsīd* yang tidak memenuhi syarat-syarat sahnya sebuah perkahwinan, kemudian berlaku *dukhūl* pada wanita itu, maka wanita itu berhak mendapatkan mahar *mithil*, pasangan tadi hendaklah dinikahkan semula dan kadar mahar *mithil* hendaklah dikira waktu terjadinya *dukhūl* bukan waktu *akad*, sebab *akad* yang pertama merupakan *akad fāsīd*.⁶⁸

2.5. Syarat-syarat Mahar

Mahar yang akan diberikan oleh suami kepada calon isteri hendaknyanya mempunyai syarat-syarat berikut:

⁶⁶ ‘Abd al-Wahhāb Khallāf (1990), *Aḥkām al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Kuwait : Dār al-Qolam, h. 80.

⁶⁷ Lihat Muḥammad Abū Zahrah (tt), *al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah*. Kaherah : Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 182.

⁶⁸ Muḥammad Nabil Sa‘īd al-Thādhālī (1989), *op. cit*, h. 57.

1. Mahar yang akan diberikan hendaklah harta yang mempunyai nilai (harga), maka tidak sah memberikan mahar yang tidak bernilai seperti sebiji tepung gandum.⁶⁹ Barang yang bernilai atau berharga disini bermaksud apa-apa yang diperolehi dengan perbuatan dan dapat dimanfa`atkan secara *shar`i* pada masa diperlukan.⁷⁰
2. Mahar tersebut hendaklah sesuatu yang dapat diambil manfa`at menurut syariat Islam (halal). Kerana itu, sesuatu yang haram tidak dapat dijadikan mahar, seperti arak, babi, darah dan bangkai. Walaupun menurut agama yang lain ia bermanfa`at. Begitu juga dengan mahar yang didapati dari mencuri atau merampas. Jika dalam suatu *akad* diberikan mahar yang diharamkan oleh Islam, maka *akad* nikahnya tetap sah tetapi maharnya batal. Isteri berhak mendapat mahar *mithil* dari suaminya.⁷¹
3. Tidak boleh mahar yang akan diberikan barang yang berharga tetapi tidak diketahui dengan jelas klasifikasinya,⁷² seperti maharnya sepotong kain. Tetapi hendaknya kain tersebut dijelaskan jenisnya, ukurannya dan yang lainnya, sehingga menjadi jelas kain yang akan diberikan itu dan tidak menimbulkan perselisihan sewaktu pemberian.

Dalam masalah mahar yang diberikan hasil dari harta rampasan, golongan Maliki berpendapat pernikahannya menjadi *rosak* apabila suami isteri telah dewasa dan tahu

⁶⁹ Muhammad Ibrahim Jannati (2007), *Fiqh Perbandingan Lima Mazhab*. Ibnu Alwi Bufaqqin et.al. (terj.). Jakarta: Penerbit Cahaya, h. 394.

⁷⁰ Muḥammad Muṣṭafa Thalabī (1985), *al-Madkhal fī al-Ta`rīf bi al-Fiqh al-Islamī wa Qawā'id al-Milkiyyah wa al-`Uqudiyyah*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-Arabiyyah, h. 334.

⁷¹ Ibrāhīm Abd al-Hādi Aḥmad al-Najarī (1995), *Huqūq al-Mar`ah fī al-Sharīah al-Islamiyyah*. `Ammān: Maktabah Dār al-Thaqāfah, h. 96. Lihat juga Muḥammad Nabīl Sa`īd al-Thādhālī (1989), *op. cit*, h. 193

⁷² Ibrāhīm Abd al-Hādi Aḥmad al-Najarī (1995), *Ibid*.

barang yang dijadikan mahar *musamma* berasal dari curian atau rampasan. Dalam kes ini hakim wajib menfasakhkan mereka sebelum bercampur. Bila telah bercampur maka suami wajib memberi mahar *mithil* kepada isterinya.⁷³

Berbeza dengan pendapat golongan Hanafi, barang curian atau rampasan yang dijadikan mahar *musamma* sah dalam penyebutannya dan *akadnya*, samada suami isteri itu sudah tahu ataupun belum. Tetapi yang diambil perhatian adalah izin dari pemilik barang tersebut, jika pemiliknya mengizinkan maka sah barang itu menjadi mahar *musamma*. Jika tidak, maka isteri berhak menerima mahar sebanyak jumlah mahar dari barang rampasan itu, bukan mahar *mithil* (seperti pendapat Maliki). Pendapat ini pula disetujui oleh golongan Syafi'i.⁷⁴

Dengan demikian, mahar bukanlah semestinya barang yang berbentuk emas atau perak, tetapi boleh berupa sesuatu yang ada harganya. Boleh juga berupa perbuatan yang berupa jasa seperti yang diamalkan Nabi Musa a.s. dengan bekerja kepada Nabi Shu`ayb a.s. untuk anak perempuannya selama lapan tahun dan digenapkan menjadi sepuluh tahun sebagai kebajikannya. Ditegaskan dalam al-Qur`an:

قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُنكِحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ هَاتَيْنِ عَلَى أَنْ تَأْجُرَنِي ثَمَنِي حِجَجٍ
فَإِنْ أَتَمَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ وَمَا أُرِيدُ أَنْ أَشُقَّ عَلَيْكَ سَتَجِدُنِي إِنْ
شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ

⁷³ Peunoh Daly (2003), *op. cit.*, h. 223.

⁷⁴ `Abd al-Rahmān al-Jazīrī (1969), *Kitāb al-Fiqh `alā al-Madhāhib al-Arba`ah*, j. 4. Miṣr: al-Maktab al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 102.

Maksudnya: Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa): "Aku hendak mengkahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama lapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku insya Allah, dari orang-orang yang baik layanannya".

Sūrah al-Qaṣṣaṣ (28): 27

2.6. Kadar Mahar

Para ulama bersepakat tidak ada batasan maksima dalam pemberian mahar. Alasan Islam tidak menentukan batasan tertentu dalam pemberian mahar disebabkan taraf hidup yang berbeza antara satu dengan yang lainnya. Kerana itu Islam menyerahkan masalah jumlah mahar berasaskan kepada kemampuan masing-masing individu atau keadaan dan tradisi keluarganya.⁷⁵ Maka hukum meninggikan mahar adalah harus selama ia tidak memberatkan, berdasarkan firman Allah:

وَإِنْ أَرَدْتُمْ اسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ وَآتَيْتُمْ إِحْدَاهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا ۚ أَتَأْخُذُونَهُ بِهَيْبَتِنَا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٢٠﴾

Maksudnya : "Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan), sedang kamu telah pun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, Maka janganlah kamu mengambil sedikitpun dari dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (yang menyebabkan) dosa yang nyata?".

Sūrah al-Nisa` (4): 20

⁷⁵ Al-Sayyid Sābiq (tt), *op. cit.*, h. 101-102

Perkataan *qinṭār* disini diertikan dengan harta yang banyak. Pada masa dahulu perkataan *qinṭār* digunakan untuk menunjuk harta yang dihimpun dalam kulit lembu yang telah disamak. Tentu sahaja harta itu cukup banyak kerana tempat yang digunakan untuk menyimpan adalah kulit lembu. Kata tersebut kemudian difahami dalam erti harta yang banyak.⁷⁶ Daripada ayat diatas dapat difahami, tidak ada batas maksima dalam pemberian mahar.

Pada Zaman Khalifah `Umar bin al-Khaṭṭāb pernah cuba menghadkan batas maksima mahar tidak boleh lebih dari 40 *'uqiyah* perak.⁷⁷ Namun datang seorang wanita menegurnya dan berkata “Engkau tidak boleh membatasinya (mahar), kerana Allah telah berfirman :

وَأَتَيْتُمَّ إِحْدَهُنَّ قِنْطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا

Maksudnya: “Sedang kamu telah pun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, Maka janganlah kamu mengambil sedikitpun dari dari harta itu”.

Sūrah al-Nisā` (4): 20

Dalam peristiwa ini, Saidina `Umar pun mengakui kesilapannya dalam membataskan had maksima pemberian mahar. Ini menunjukkan bahawa mahar seseorang wanita boleh diberikan dengan kadar yang tinggi, asalkan pihak lelaki berkemampuan untuk melaksanakannya. Seperti yang pernah dilakukan oleh Khalifah al-Ma`mun dari Bani Abbas semasa menikah dengan puteri Bauran, anak Wazir besar

⁷⁶ Lihat M. Quraish Shihab (2005), *op. cit*, j.2, h. 385.

⁷⁷ Bersamaan dengan 2,000 gram perak. Jika 1 gram perak 3.114.31 ringgit bersamaan dengan 9,307.66 rupiah, maka 2,000 gram perak bersamaan dengan 6,230 ringgit, bersamaan dengan 18,614,000 rupiah

yang bernama Faḍl bin Sahl, telah membayar maharnya dengan beratus-ratus talam emas yang masing-masing penuh dengan wang emas (dinar). Semua pelita lilin di istana juga menyala-nyala. Sehingga hari-hari pernikahan itu dicatat orang dalam sejarah sebagai suatu penjamuan yang sangat mewah dan mahar yang sangat mahal. Itu semua adalah sesuai dengan kekayaan al-Ma`mun yang berlimpah-limpah.⁷⁸

Dengan demikian, walaupun mahar merupakan hak seorang isteri, namun hendaklah pemberian itu tidak memberatkan dan berlebihan. Karena meninggikan mahar akan menjadikan pemuda lambat untuk berkahwin. Bahkan seorang perempuan *disunnahkan* untuk tidak meninggikan maharnya.⁷⁹ Kerana itu boleh menunjukkan kebaikan hati dari pihak perempuan yang akan berkahwin. Abu `Ajfā` menceritakan, ia mendengar `Umar mengatakan: “Jaganlah berlebih-lebihan memberi mahar kepada wanita. Sebab apabila hal ini menjadi kemuliaan di dunia atau akan menjadi kebaikan di akhirat, tentu Nabi lebih utama dalam hal itu. Tetapi beliau tidak pernah memberi mahar kepada isteri-isteri beliau lebih dari 12 *ūqiyah*.”⁸⁰ Beliau juga tidak pernah membiarkan anak-anaknya menerima mahar lebih dari itu”. Seperti yang telah diriwayatkan Abu Dāud, bahawa `Umar (ra) pernah berkata:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَيْدٍ حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنِ أَبِي الْعَجْفَاءِ
السُّلَمِيِّ قَالَ: خَطَبْنَا عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَقَالَ "أَلَا لَا تَغْلُوا بِصُدُقِ النِّسَاءِ، فَإِنَّهَا لَوْ

⁷⁸ Hamka (1987), *op. cit.*, h. 261.

⁷⁹ Muhammad bin Abdullah (2006), *Hak-hak Wanita Sebelum, Semasa dan Selepas Perkahwinan*. Petaling Jaya: AHBAB Media, h. 14.

⁸⁰ 1 *ūqiyah* bersamaan 50 gram perak. Jika 1 gram perak 3.114.31 ringgit bersamaan dengan 9,307.66 rupiah, maka 50 gram perak bersamaan dengan 155,715.5 ringgit, bersamaan dengan 465,383 rupiah.

كَانَتْ مَكْرُومَةً فِي الدُّنْيَا أَوْ تَقْوَى عِنْدَ اللَّهِ كَانَ أَوْلَاكُمْ بِهَا النَّبِيُّ (ص)، مَا أَصْدَقَ
رَسُولُ اللَّهِ (ص) امْرَأَةً مِنْ نِسَائِهِ وَلَا أُصْدِقَتْ امْرَأَةٌ مِنْ بَنَاتِهِ أَكْثَرَ مِنْ اثْنَتَيْ عَشْرَةَ

أَوْقِيَةً⁸¹

Selain itu, tidak seorangpun dari kalangan sahabat yang menikah dengan memberi mahar kurang dari lima dirham,⁸² yaitu kadar minima yang pernah diberikan oleh Abdurrahman bin `Auf. Semasa menikah ia memberi mahar emas seberat biji kurma senilai lima dirham⁸³ dan ini disetujui oleh Nabi.⁸⁴ Karena pensyariatan mahar dalam pernikahan bukan ganti rugi, tetapi ketenangan dan penyerahan wanita kepada lelaki yang akan mencukupi nafkahnya, menjaga dan menggaulinya dengan baik.⁸⁵

Berdasarkan tujuan dari pensyariatan mahar yang pelbagai tersebut maka timbul beberapa perbezaan pendapat mengenai batas minima mahar dikalangan *fuqahā`*. Imam Malik dan Imam Abu Hanifah bersetuju bahawa mahar mempunyai batas minima. Imam Malik telah menetapkan kadar minima mahar adalah 1/4 dinar (emas) atau bersamaan dengan tiga dirham (perak).⁸⁶ Manakala Imam Abu Hanifah berpendapat minima mahar ialah 10 dirham.⁸⁷ Pendapat ini dikemukakan berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh

⁸¹ Abī Dāud Sulaymān (tt), *Sunan Abī Dāud*, “Kitāb al-Nikāh”, no. hadīth 2106. Riyāḍ: Maktabah al-Ma`ārif, h. 365.

⁸² 1 dirham bersamaan dengan 25 ringgit, bersamaan dengan 74,719. 76 rupiah (1 ringgit bersamaan dengan 2,968.79 rupiah). <http://islamicmint.com.my/>. 12 April 2012.

⁸³ 5 dirham bersamaan dengan 125 ringgit, bersamaan dengan 373,598. 8 rupiah.

⁸⁴ Abdullah Muḥammad bin Farj al-Maliki Qurthubi (2000), *81 Keputusan Hukum Rasulullah SAW*. Saefuddin Zuhri (terj.), Jakarta: Pustaka Azzam, h. 113. Lihat Al-Sayyid Sābiq (tt), *op. cit.*, h. 103.

⁸⁵ Lihat Syaikh Hasan Ayyub (2001), *Fikih Keluarga*. M. Abdul Ghoffar E.M (terj.), Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, h. 71.

⁸⁶ Muḥammad Bashīr al-Shaqofah (2007), *al-Fiqh al-Mālikī fī Thaūbihi al-Jadīd*, c. 3, Damsyiq: Dār al-Qolam, h. 525. 3 dirham bersamaan dengan 75 ringgit, bersamaan dengan 224,259.28 rupiah.

⁸⁷ 10 dirham bersamaan dengan 250 ringgit, bersamaan dengan 747,197.6 rupiah

Jabir r.a bahawa tidak ada mahar yang kurang dari 10 dirham.⁸⁸ Adapun Imam Syafi'i tidak menetapkan batas kadar mahar yang perlu diikuti. Syafi'i berpendapat bahawa setiap benda bernilai dan dianggap harta dari perspektif syara' boleh dijadikan mahar.⁸⁹

Pada dasarnya tujuan pensyariatan mahar bukanlah untuk *barter* (tukar menukar). Melainkan untuk mencari ketenangan dan keharmonian antara lelaki dan perempuan, menempatkan perempuan pada seseorang yang menjaga dan manggaulinya dengan baik, serta mendapatkan nilai-nilai dari tujuan pernikahan tersebut. Sehingga tidak sepatutnya seseorang dilarang mencapai tujuan tersebut dengan menepikan kepada sesuatu yang bukan menjadi tujuan perkahwinan seperti mahar. Ini bermakna, pandangan Imam Syafi'i mengenai kadar mahar dapat disetujui untuk mendapatkan tujuan dari perkahwinan.

2.7. Cara Pembayaran Mahar

Suatu *akad* nikah tetap menjadi sah tanpa adanya penyebutan mahar. Oleh itu, mahar boleh dibayar secara tunai ataupun hutang.⁹⁰ Hal ini terpulang kepada persetujuan kedua-dua belah pihak pengantin. Malah, jika seseorang isteri tersebut merelakan dan menghalalkan maharnya untuk kegunaan suaminya, tidak kira diberi secara tunai atau hutang semasa akad nikah, maka halal bagi suami untuk menerima dan memakannya. Firman Allah:

⁸⁸ Sālim Ibn `Abd al-Ghanī al-Rāfi`ī (2002), *op. cit.*, h. 458.

⁸⁹ Muḥammad Abū Zahrah (tt), *op. cit.*, h. 173

⁹⁰ Mat Saad Abd. Rahman (2006), *op. cit.*, h. 39.

فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَّرِيئًا ﴿٤﴾

Maksudnya: “Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lezat, lagi baik kesudahannya”

Sūrah al-Nisā` (4): 4

Dalam tata cara pembayaran mahar Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa kaedah pembayaran boleh dibuat mengikut amalan masyarakat (*`urf*) setempat jika tidak ada penentuan cara pembayaran mahar. Berpandukan kaedah fiqh:

الْمَعْرُوفُ عُرْفًا كَالْمَشْرُوطِ شَرْطًا

Maksudnya: “Sesuai yang umum diketahui pada `urf samalah seperti yang disyariatkan dalam sesuatu syarat”

Maka apabila amalan yang dibuat dalam kalangan masyarakat setempat selalu membayar mahar sepenuhnya hendaklah dibayar sepenuhnya. Namun apabila masyarakat setempat selalu membayar setengahnya maka hendaklah dibayar setengahnya pula sebelum bercampur.⁹¹

Beberapa fuqaha juga berpendapat, jika di dalam nas tidak terdapat tatacara pembayaran mahar samada dengan berhutang atau tunai, maka tatacara pembayaran dipulangkan ke hukum asal iaitu dibayar dengan tunai. Mahar wajib dibayar semuanya kepada isteri sebelum mereka bercampur kerana mahar merupakan bahagian daripada akad perkahwinan tersebut. Suami wajib memberikan mahar sebaik sahaja akad

⁹¹ Lihat Muḥammad Abū Zahrah (1958), *Muḥāḍarāt fī `Aqd al-Zawāj wa Āthāruhu*. (t.t.p): (t.p), h. 219.

perkahwinan sah. Dengan demikian, tiada sebab-sebab tertentu yang boleh menangguhkan pemberian mahar dalam akad yang sah. Namun apabila wujudnya syarat-syarat tertentu yang boleh menangguhkan pemberian mahar maka ia boleh ditangguhkan. Tetapi jika tiada syarat-syarat tertentu yang boleh menangguhkan maka ia mengikut kepada hukum yang asal, iaitu mesti dibayar dengan tunai.⁹²

Dengan demikian, perkahwinan tidak mesti dengan menetapkan jumlah mahar terlebih dahulu.⁹³ Oleh kerana mahar bukan rukun utama dalam perkahwinan. Perkahwinan seperti ini hukumnya adalah harus, oleh itu bertepatan dengan firman Allah *“Tidak ada kewajiban membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya”*⁹⁴ Ayat ini menjelaskan wujudnya perceraian sebelum penentuan mahar oleh suami, sedangkan perceraian selalunya terjadi selepas perkahwinan yang sah. Dalam perkara ini bererti suami hendak menceraikan isterinya sebelum bercampur dan sebelum ditentukan maharnya.

2.8. Hikmah Disyariatkan Mahar

Terdapat beberapa hikmah yang dapat diambil dari al-Qur`ān tentang pensyariatkan mahar dalam perkahwinan. Sebagaimana firman Allah:

⁹² *Ibid.*, h. 220.

⁹³ Perkahwinan seperti ini dikenal juga dengan nikah *tafwīdh* yang bermaksud, jumlah mahar ditentukan selepas *akad* nikah.

⁹⁴ Sūrah al-Baqarah (2): 236

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا ﴿٦١﴾

Maksudnya: “Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu, padahal kasih mesra kamu Telah terjalin antara satu dengan yang lain sebagai suami-isteri, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) Telah pun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu”.

Sūrah al-Nisā` (4): 21

Dengan demikian, maka al-Qur`ān⁹⁵ menyebut perkahwinan dengan *mīthāqan ghalīdha*, yang bermaksud perjanjian yang sangat kuat dan mesti dikekalkan.⁹⁶ Untuk mewujudkan sesuatu perjanjian yang kuat itu, maka disyariatkan mahar sebagai simbol perkahwinan antara kedua-dua belah pihak pengantin sebagai tanda amanah Allah dan sahnya pergaulan antara lelaki dan perempuan sebagai suami isteri, setelah dibuka kuncinya dengan kalimat Allah.

Perkataan *mīthāqan ghalīdha* juga digunakan dalam al-Qur`ān untuk menunjukkan perjanjian Allah dengan beberapa orang Nabi. Seperti tertulis dalam surah al-Ahdhāb yang berbunyi:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ ابْنِ مَرْيَمَ وَأَخَذْنَا مِنْهُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا ﴿٦١﴾

⁹⁵ Lihat al-Qur`ān Sūrah al-Nisā` (4): 21.

⁹⁶ Muhammad Amin Summa (2004). *Hukum Keluarga Islam di Dunia Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, h. 82.

Maksudnya: “(Teruslah bertaqwa kepada Kami) dan (ingatlah) tatkala Kami mengambil dari Nabi-nabi (umumnya): perjanjian setia mereka, dan (khususnya) dari engkau sendiri (wahai Muhammad), dan dari Nabi Nuh, dan Nabi Ibrahim, dan Nabi Musa, serta Nabi Isa ibni Maryam; dan kami Telah mengambil dari mereka: perjanjian setia yang teguh (bagi menyempurnakan apa yang ditugaskan kepada mereka).”

Sūrah al-Ahdhāb (33): 7

Dengan demikian, mahar merupakan simbol kesucian ikatan perkahwinan antara suami isteri. Ia juga seperti kesucian hubungan Allah dengan rasul pilihanNya. Oleh yang demikian, ikatan yang suci dan mulia tersebut haruslah dijaga dengan bersungguh-sungguh oleh kedua pasangan suami dan isteri.

Agama Islam mewajibkan bagi lelaki membayar mahar kepada isteri yang akan dikahwini. Mahar seolah-olah mengandungi undang-undang yang tidak tertulis tentang tanggungjawab. Mulai daripada mahar dibayar, isteri telah menyerahkan pimpinan atas dirinya kepada suaminya. Maka wajib ke atas suami untuk membela dan memimpin isteri tersebut, kerana isteri telah lepas dari tanggungjawab ibu bapanya.⁹⁷ Selain daripada itu juga bahawa kebahagiaan hidup suami isteri adalah lebih besar daripada kebahagiaan hidup bersama ibu bapa.⁹⁸

Mahar juga dibebankan kepada lelaki kerana mahar merupakan salah satu simbol bahawa lelaki merupakan pemimpin rumah tangga yang berkewajipan mendidik dan memberi nafkah dalam keluarga.⁹⁹ Implikasinya, wanita mesti taat dan patuh kepada

⁹⁷ Hamka (1987), *op. cit.*, j. 5, h. 47.

⁹⁸ M. Quraish Shihab (2006), *Wawasan al-Qur`an: Tafsir Maudhu`i Atas Pelbagai Persoalan Ummat*. Bandung: Mizan, h.210

⁹⁹ Menurut mazhab Syafi`i nafkah yang harus ditanggung suami adalah nafkah isteri, seperti keperluan asas manusia, serta memberi nafkah anak sehingga dewasa, meliputi biaya susuan dan seumpamanya.

suami sebagai pemimpin rumah tangga. Dengan demikian, mahar kuat hubungkaitnya dengan kepemimpinan keluarga yang dibebankan kepada suami sebagai pendidik dalam keluarga.

Sebagaimana ditegaskan dalam al-Qur`ān :

وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “*Dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu), mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana*” .

Sūrah al-Baqarah (2): 228

Selain itu mahar yang diberikan oleh lelaki juga menunjukkan pengiktirafan Islam terhadap hak-hak perempuan dengan tanda pemberian mahar semasa perkahwinan. Mahar yang telah diberikan menjadi hak mutlak perempuan itu sendiri. Ayah ataupun suami tidak mempunyai kepentingan untuk mengambilnya melainkan dengan keizinan daripada perempuan tersebut.¹⁰⁰

Pemberian mahar juga adalah sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kepada pihak perempuan yang sanggup berpisah dengan ibubapanya yang mendidik dan menyayanginya. Oleh itu, eloklah suami memberi sesuatu yang menyenangkan hati isteri supaya dia berasa benar-benar mendapat perhatian daripada suaminya.¹⁰¹

¹⁰⁰ Lihat Asghar Ali Engineer (2000), *Hak-Hak Perempuan Dalam Islam*, c. 2. Farid Wajidi dan Cici Farkha Assegaf (terj.). Yogyakarta: LSPAA (Lembaga Studi dan Pengembangan Perempuan dan Anak), h. 170.

¹⁰¹ Hassan Salleh (1993), *Asas Kekeluargaan Islam; Bahasan Empat Mazhab: Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali*. Kuala Lumpur: Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd., h. 95.

2.9. Pengertian Hantaran

Menurut istilah syarak, hantaran atau hadiah atau pemberian diistilahkan sebagai *hibah*, iaitu suatu akad yang dapat memindah milik sesuatu benda tanpa perlu kepada gantian.¹⁰² Adapun menurut Kamus Dewan hantaran atau pemberian ialah hadiah (berupa makanan, pakaian dan sebagainya) yang dibawa bersama wang hantaran.¹⁰³ Manakala menurut Kamus Umum Bahasa Indonesia hantaran berasal dari perkataan “antaran”, yang bermaksud wang sebagai pemberian dari pihak lelaki kepada bakal mertua,¹⁰⁴ dimaksudkan demikian untuk membezakannya dengan mahar yang diberikan kepada pengantin perempuan. Pada zaman dahulu “antaran” diertikan masyarakat yang beragama Hindu sebagai penjualan gadis kepada lelaki. Manakala pada masa sekarang “antaran” mengalami perselisihan makna yang bermaksud hadiah perkahwinan untuk calon isteri.¹⁰⁵ Banyaknya istilah-istilah yang pelbagai dapatlah disimpulkan kerana adanya perubahan makna dari pelbagai situasi. Walaupun demikian, dapat difahami bahawa hantaran ialah pemberian berupa benda atau harta dari pihak lelaki kepada pihak perempuan dengan sukarela sebagai hadiah perkahwinan.

Pada asasnya, dalam Islam tidak ada nas syarak yang menjelaskan hukum mengenai hantaran. Pemberian hantaran merupakan adat atau kelaziman yang diamalkan secara turun temurun yang berkaitan dengan adat tempatan, selama adat ini tidak bercanggah dengan prinsip Islam maka ianya merupakan salah satu tradisi yang

¹⁰² Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1958), *Mughnī Muḥtāj ilā Ma`rifah Ma`ānī Alfāz al-Minhāj*, jil. 2. Misr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 396.

¹⁰³ Noresah bt Baharom (2005), *op. cit.*, h. 510.

¹⁰⁴ W.J.S. Poerwardanita (1982), *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, h. 85.

¹⁰⁵ T. Jafizham (2010), *op. cit.*, h. 51.

dibolehkan dalam pelaksanaannya dan diterima oleh majoriti (*ghālib*) masyarakat.¹⁰⁶ Sebab itu pihak yang akan berkahwin boleh memberikan hadiah kepada pihak yang lain, menurut adat istiadat dalam negerinya masing-masing.

Sewajarnya pemberian hadiah atau hantaran itu tidak menyukarkan untuk melangsungkan perkahwinan, misalnya hadiah itu telampau berat atau banyak sehingga sukar untuk memenuhinya. Kerana itu semua bercanggah dengan firman Allah yang termaktub dalam al-qur`an. Dalam al-Qur`ān dinyatakan:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.”

Surah al-Baqarah (2): 185

Begitu juga janganlah hadiah itu mempengaruhi hak dan kewajipan suami dan isteri, umpamanya isteri yang menerima hadiah, tidak berhak lagi menerima nafkah atau tidak berhak lagi mendapat keadilan dari pihak suaminya. Kerana ketentuan-ketentuan seperti itu bertentangan dengan maksud dan tujuan perkahwinan.¹⁰⁷

2.10. Hantaran dalam Kalangan Masyarakat Indonesia

Perkahwinan merupakan salah satu peristiwa penting dalam sejarah kehidupan setiap manusia. Sebagai bahagian dari proses perkahwinan, penyerahan hantaran

¹⁰⁶ Md Saleh Hj Md @ Hj Ahmad (2000), “Urf dan Adat Semasa di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum Yang Tidak di Naskan”, dalam Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad, *Fiqh Malaysia: Ke Arah Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Selangor: al-Hikmah Sdn. Bhd., h. 101-102.

¹⁰⁷ Lihat Osman bin Jantan (2001), *op. cit.*, h. 179.

pengantin telah menjadi tradisi dalam kalangan masyarakat. Masing-masing daerah mempunyai tatacara dalam pelaksanaan pemberian hantaran yang dikenali sebagai *peningset* dalam masyarakat Jawa.¹⁰⁸ Manakala di daerah-daerah lain di Indonesia, hantaran dikenali dengan istilah yang pelbagai.¹⁰⁹ Amalan hantaran ini adalah sebagai salah satu bentuk tanggung jawab dan penghormatan daripada pihak pengantin lelaki kepada pihak keluarga pengantin perempuan, terutama orang tua. Ibubapa pengantin wanita juga akan mendapatkan kesan mendalam, bahwa calon menantunya berupaya memberikan penghargaan yang tinggi terhadap anaknya. Kesan pertama yang boleh memberikan kepercayaan bahwa anak gadisnya akan diperlakukan dengan baik.¹¹⁰

Hantaran atau seserahan sudah menjadi perkara yang umum dalam proses perkahwinan di Indonesia. Hantaran yang dulu tidak wajib hukumnya, kini sudah berakar umbi menjadi budaya dan menjadi sebahagian amalan dari proses perkahwinan. Tidak diketahui secara pasti bila munculnya tradisi ini. Namun yang pasti, pada hakikatnya hantaran merupakan adat istiadat perkahwinan akibat dari pengaruh Hindu¹¹¹ yang diamalkan oleh penduduk tempatan. Kenyataan sejarah menunjukkan, orang Indonesia yang ahli pelayaran telah banyak kali tiba di India sama seperti kehadiran orang India ke Asia Tenggara. Kemudian ramai bijak pandai Jawa yang membawa balik

¹⁰⁸ Berasal daripada perkataan “singset” yang bermaksud “mengikat”, peningset bererti hadiah yang menjadi pengikat hati antara dua keluarga untuk mengadakan perkahwinan.

¹⁰⁹ Seperti masyarakat Banjar, Kalimantan Selatan, mengenali dengan istilah petalian, iaitu pemberian dari calon pengantin lelaki kepada calon pengantin perempuan samada berupa kain, sarung batik, selendang dan seumpamanya. Adapun masyarakat Jawa Barat mengenali dengan istilah sasarehan, iaitu kiriman berupa makanan, pakaian, barang kemas dan seumpamanya, dari pihak lelaki kepada pihak perempuan sebelum pelaksanaan majlis perkahwinan. Walaupun berbeza istilah namun diyakini istilah-istilah tersebut mempunyai maksud yang sama.

¹¹⁰ <http://mudahmenikah.wordpress.com>. 16 November 2011.

¹¹¹ Lihat Amran Kasimin (1995), *Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 85

bersama mereka kitab-kitab klasik Sanskrit termasuk sebuah versi Mahabharata dari India pada zaman pemerintahan Dharmavama (991-1007 A.D).¹¹² Sehingga sebahagian daripada perkahwinan di Indonesia mempunyai persamaan dengan adat istiadat yang dilakukan oleh orang Islam di India yang kehidupan mereka dipengaruhi oleh budaya penganut-penganut Hindu-Buddha di sekeliling mereka.¹¹³ Seperti memberikan hadiah kepada pengantin perempuan berupa alat-alat solek, buah-buahan, barang-barang kemas, kain dan lain-lain lagi. Selain itu juga adat bersanding¹¹⁴ dan adat berinai diyakini juga merupakan salah satu unsur pengaruh Hindu.¹¹⁵ Kenyataan ini boleh menjelaskan betapa besarnya pengaruh Hindu terhadap adat hantaran perkahwinan dalam kalangan masyarakat.

Dalam setiap amalannya dikalangan pelbagai daerah, kebanyakan masyarakat telah mempunyai adat tersendiri dalam menentukan nilai hantaran bagi seorang wanita. Seperti dalam sistem keluarga *patrilineal*¹¹⁶ pihak lelaki mesti memberi hantaran kepada keluarga pihak perempuan supaya perkahwinaannya berjalan dengan lancar tanpa adanya sebarang gangguan.¹¹⁷ Adat tersebut sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat dan telah diterima tanpa adanya pertikaian dari mana-mana pihak. Sekiranya seseorang lelaki yang ingin berkahwin dengan wanita dari daerah lain juga akan mengikut adat di daerah wanita tersebut.

¹¹² *Ibid.*, h. 51-52.

¹¹³ *Ibid.*, h. 51.

¹¹⁴ Lihat Amran Kasimin (1993), *Istiadat Perkahwinan Melayu yang Bukan daripada Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Dinie Publisher, h. 95-96.

¹¹⁵ *Ibid.*, h. 78.

¹¹⁶ Berkaitan dengan hubungan keturunan atau kekeluargaan mengikut garis keturunan sebelah lelaki atau bapa. Noresah bt Baharom (2005), *op. cit.*, h. 1150. Lihat juga Ira. M. Lapidus (1999), *Sejarah Sosial Ummat Islam*. Ghufroon A. Mas`adi (ter.),j. 1 & 2. Jakarta: RajaGrafindo Persada h. 42.

¹¹⁷ Kasto (1982), *Perkawinan dan Perceraian pada Masyarakat Jawa*. Yogyakarta: Pusat Penelitian dan Studi Kependudukan UGM, h. 35.

Beberapa faktor turut diambil kira dalam penentuan jumlah hantaran. Antaranya faktor kedudukan ekonomi, pendidikan, rupa paras gadis, dan taraf pengantin perempuan samada masih gadis atau pun telah menjadi janda. Pada kebiasaannya gadis yang terpelajar atau yang bekerja dan berasal dari keluarga yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat, hantarannya lebih tinggi daripada gadis biasa yang kurang berpelajaran atau tidak bekerja. Begitu pula untuk kedua orang tuanya yang masih hidup, hantaran yang diberikan lebih tinggi daripada mereka yang salah satu atau kedua-dua orang tuanya telah meninggal. Kenyataan ini dapat difahami kerana kebanyakan pemberian tersebut adalah dari persetujuan kedua-dua belah pihak orang tua.¹¹⁸

Walaupun demikian, rundingan dapat dilakukan antara kedua-dua pihak untuk mengelakkan hantaran yang lebih tinggi. Kerana taraf ekonomi masyarakat adalah tidak sama di antara sebuah tempat dengan tempat lain. Tambahan pula, adat kebiasaan di sesebuah daerah juga adalah berbeza dan seringkali mengalami perubahan.¹¹⁹ Maka barang hantaran dilihat kepada kemampuan pasangan yang hendak berkahwin.

Acara pemberian hantaran termasuk perkara yang penting untuk memperjelas pelaksanaan perkahwinan yang telah dipersetujui bersama oleh kedua-dua belah pihak. Hantaran tersebut lazimnya diberikan pada saat malam sebelum akad nikah, tetapi ada juga yang memberikan hantaran pada masa perkahwinan.

¹¹⁸ Gusti Mahfudz (1982), *Perkawinan dan Perceraian pada Masyarakat Banjar*. Yogyakarta: Pusat Penelitian dan Studi Kependudukan UGM, h. 35

¹¹⁹ Peunoh Daly (2003), *op. cit*, h. 220.

Barang-barang hantaran yang diberikan terdiri daripada alat-alat solek, buah-buahan, barang-barang kemas, baju, telakung, kasut dan lain-lain lagi. Barang-barang ini kemudian digubah mengikut kreativiti masing-masing yang diletakkan dalam bekas-bekas yang khas untuk dibawa kepada pengantin. Namun pada kebiasaannya, barang hantaran terdiri daripada wang belanja yang kerap kali dibelanjakan untuk mengadakan majlis perkahwinan itu sendiri.¹²⁰

2.11. Hantaran dalam Peraturan Perundangan Perkahwinan di Indonesia

Selepas Proklamasi kemerdekaan Republik Indonesia pada tarikh 17 Ogos 1945, negara Indonesia belum memiliki Undang-undang yang menguruskan hal ehwal perkahwinan.¹²¹ Maka selepas 29 tahun sambutan kemerdekaan peraturan perkahwinan di Indonesia masih lagi berpegang dengan perundangan perkahwinan Belanda.¹²² Hal ini disebabkan negara Indonesia lebih kurang tiga ratus lima puluh tahun dijajah oleh Belanda.

Namun demikian, hukum Islam telah masuk ke Indonesia pada abad 1 H bersamaan 7/8 masehi, seiring dengan masuknya agama Islam ke Indonesia. Manakala hukum barat¹²³ diperkenalkan oleh Belanda pada abad ke 15 masehi. Sebelum hukum

¹²⁰ Gusti Mahfudz (1982), *op. cit.*, h. 36.

¹²¹ Undang-undang nomor 1 tahun 1974 tentang perkawinan.

¹²² Wasman dan Wardah Nuroniyah (2011), *Hukum Perkawinan Islam di Indonesia, Perbandingan Fiqih dan Hukum Positif*. Yogyakarta: Teras, h. 5.

¹²³ Seperti Kitab Undang-undang Hukum Perdata (*Burgerlijk Wetboek*), Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristen (*Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers S. 1993 No. 74*), Peraturan Perkahwinan Campuran (*Regeling op de gemengde Huwelijken S. 1898 No. 158*)

Islam masuk ke Indonesia, rakyat Indonesia berpegang dengan hukum adat tempatan yang pelbagai¹²⁴ yang telah dipengaruhi oleh agama Hindu dan Budha.¹²⁵

Peraturan perundangan mengenai perkahwinan di Indonesia telah diwartakan pada tahun 1974. Peraturan tersebut terbagi kepada 14 bab dalam 67 pasal. Undang-undang ini berlaku secara efektif mulai 1 Oktober 1975. Walau bagaimanapun, undang-undang ini tidak menghuraikan mengenai hantaran dalam perkahwinan secara lanjut. Namun untuk harta benda yang dimiliki, secara umum dikaitkan kedalam bab VII, pasal 35, ayat 2, bunyinya “*Harta bawaan dari masing-masing suami dan isteri dan harta benda yang diperolehi masing-masing sebagai hadiah atau warisan, adalah di bawah penguasaan masing-masing sepanjang para pihak tidak menentukan lain.*” Hasil daripada kenyataan diatas dapat difahami bahawa harta benda yang menjadi milik suami atau isteri dan apa-apa yang diperolehi sebagai hadiah atau warisan kekal menjadi hak masing-masing, termasuk juga dengan hantaran yang diberikan kepada isteri.

Selain itu untuk rakyat Indonesia yang beragama Islam berlaku pula Kompilasi Hukum Islam yang menjadi pedoman¹²⁶ dalam menetapkan perkara yang berhubungan dengan hukum perkahwinan, hukum kewarisan dan hukum perwakafan. Walaupun

¹²⁴ Pada masa tersebut wilayah Indonesia terbagi dalam 19 lingkungan hukum adat yang masing-masing mempunyai hukum adatnya tersendiri. Lihat R. Soetojo Prawirohamidjojo (2002), *Pluralisme Dalam Perundang-undangan Perkawinan di Indonesia*. Surabaya: Airlangga University Press, h. 15.

¹²⁵ Ibid., h. 339.

¹²⁶ Pedoman disini dalam erti sebagai sesuatu petunjuk bagi para hakim Peradilan Agama dalam memutus dan menyelesaikan perkara dan masyarakat yang memerlukan. Lihat Dimple Farah Diba (2008), *Analisis Terhadap Kompilasi Hukum Islam Indonesia: Rujukan Kepada Beberapa Isu Kekeluargaan Berasaskan Kepada Fatwa-fatwa Ulama*. (Thesis Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 71

pedoman ini tidak termasuk di dalam peraturan perundangan Indonesia,¹²⁷ namun ia telah dikuatkan dengan instruksi Presiden No. 1 Tahun 1991 M pada tarikh 10 juni 1991. Kemudian dilanjutkan dengan keputusan Menteri Agama Republik Indonesia pada tarikh 22 juli 1991, No. 154 tahun 1991 tentang pelaksanaan Instruksi Presiden Republik Indonesia No. 1 tahun 1991.

Salah satu punca terbentuknya pedoman Kompilasi Hukum Islam yang ada sekarang disebabkan terdapat ramainya penduduk Indonesia yang beragama Islam.¹²⁸ Kesedaran untuk mengamalkan dengan hukum Islam pula telah lama dinyatakan di dalam piagam Jakarta 22 Jun 1945 sebelum Proklamasi Kemerdekaan Indonesia. Kenyataan ini dapat diketahui berdasarkan perkataan “dasar ketuhanan” diikuti dengan pernyataan: “dengan kewajipan menjalankan syari`at Islam bagi pemeluk-pemeluknya”. Tetapi dengan pertimbangan untuk persatuan dan kesatuan bangsa Indonesia, akhirnya cadangan tersebut mengalami perubahan pada tarikh 18 Ogos 1945. Cadangan yang diterima dan menjadi pegangan bangsa Indonesia menjadi “Ketuhanan Yang Maha Esa”.¹²⁹

Seiring dengan Undang-undang Perkahwinan No. 1 tahun 1974, Kompilasi Hukum Islam pula tidak membahas secara detil aturan dalam menetapkan perkara yang muncul akibat batalnya perkahwinan. Hal ini kerana lamaran atau pinangan tidak

¹²⁷ Tata urutan peraturan perundangan Indonesia adalah: UUD 1945, Ketetapan MPR (Majlis Permusyawaratan Rakyat), Undang-undang, Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-undang (Perpu), Peraturan Pemerintah (PP), dan keputusan Presiden (Keppres). Lihat C.S.T. Kansil (1986), *Pengantar Ilmu Hukum dan Tata Hukum Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, h. 154.

¹²⁸ Lihat Wasman dan Wardah Nuronyah (2011), *op. cit*, h. 327-328

¹²⁹ *Ibid.*, h. 343.

menyebabkan akibat dari sebuah hukum, dalam Kompilasi Hukum Islam bab III pasal 131 termaktub: “*Pinangan belum menimbulkan akibat hukum dan para pihak bebas memutuskan hubungan peminangan*”. Manakala hibah menurut Kompilasi Hukum Islam difokuskan ke dalam hukum kewarisan bab VI, dalam pasal 212 di sebutkan “*Hibah tidak dapat ditarik kembali, kecuali hibah orang tua kepada anaknya*”. Maka dapat difahami bahawa *hibah* yang diberikan kepada sesiapa sahaja tidak dapat diambil balik dengan sebab apapun juga, kecuali apa-apa yang telah diberikan orang tua kepada anaknya.

Dengan adanya peraturan perundangan perkahwinan Nomor 1 tahun 1974 dan Kompilasi hukum Islam yang dikuatkan dengan instruksi Presiden No. 1 pada tahun 1991, dengan sendirinya peraturan-peraturan perundang-undangan perkahwinan yang sebelumnya mengikuti Kitab Undang-undang Hukum Perdata (*Burgerlijk Wetboek*) dan peraturan lainnya tidak dapat digunapakai lagi. Bersesuaian dengan bab XIV, Ketentuan Penutup, pasal 66 Undang-undang No. 1 Tahun 1974 yang berbunyi: “Untuk Perkahwinan dan segala sesuatu yang berhubungan dengan perkahwinan berasaskan atas Undang-undang ini, maka dengan berlakunya Undang-undang ini ketentuan-ketentuan yang diatur dalam Kitab Undang-undang Hukum Perdata (*Burgerlijk Wetboek*), Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristen (*Huwelijks Ordonantie Christen Indonesiers S. 1993 No. 74*), Peraturan Perkahwinan Campuran (*Regeling op de gemengde Huwelijken S. 1898 No. 158*), dan peraturan-peraturan lain yang mengatur tentang perkahwinan sejauh telah diatur dalam Undang-undang ini, dinyatakan tidak berlaku.”¹³⁰

¹³⁰ Undang-undang Perkawinan No. 1 Tahun 1974, bab XIV, Ketentuan Penutup, pasal 66.

Adapun perkara-perkara yang tidak wujud dalam kedua-dua peraturan tersebut maka dipulangkan kepada kebiasaan amalan (*urf*) dalam masyarakat tersebut. Kerana amalan yang telah ditetapkan menjadi suatu kebiasaan dalam suatu masyarakat, maka Islam pun mengiktiraf cara-cara tersebut selama tidak bercanggah dengan syari`at itu sendiri. Begitu juga dengan amalan hantaran yang berlaku dalam masyarakat Islam Indonesia.

Dengan demikian, jika berlakunya pembatalan lamaran sebelum perkahwinan secara aturan yang berlaku, Pengadilan Agama (PA) di Indonesia tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan perkara tersebut. Ini kerana peraturan undang-undang yang dibuat hanya berkuasa memeriksa perselisihan antara pasangan yang telah sah menjadi suami isteri menurut hukum Islam. Dengan demikian perkara pembatalan perkahwinan tidak dapat dimasukkan ke dalam Pengadilan Agama kerana pasangan yang berselisih dalam lamaran belum merupakan suami isteri.¹³¹ Disamping itu pula perselisihan sebelum perkahwinan tidak pernah diajukan ke Pengadilan. Sehingga dengan demikian, perselisihan sebelum perkahwinan diputuskan di luar pengadilan.¹³² Bersamaan pandangan menurut Al-Sayyid Sābiq bahawa orang yang ingkar kepada janjinya untuk bernikah, Islam tidak menetapkan hukum materi (*mādiyah*) kepadanya walaupun termasuk perbuatan tercela. Kerana pinangan atau lamaran hanyalah perjanjian untuk melakukan perkahwinan, bukan bermakna telah terjadinya perkahwinan.¹³³

¹³¹ T. Jafizham (2010), *op. cit*, h. 200.

¹³² *Ibid.*, h. 201.

¹³³ Al-Sayyid Sābiq (tt), *op. cit* 20.

Oleh kerana hantaran bukan merupakan amalan yang disyariatkan dalam perkahwinan, maka hantaran yang telah diberikan kepada pihak lelaki tidak dapat dituntut untuk dipulangkan semula kepada pihak lelaki jika berlaku pembatalan perkahwinan. Disamping itu juga, amalan pemberian hantaran tidak mempunyai ketetapan hukum samada dalam hukum Islam ataupun peraturan perundangan yang berlaku di Indonesia.

2.12. Pandangan Beberapa Fuqahā` dalam Permasalahan Hantaran

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya, hantaran merupakan pemberian kepada pihak perempuan semasa majlis perkahwinan. Hantaran lazimnya diberikan sebelum dilaksanakan *aqad* sebagai penguat janji akan berkahwin atau memperkukuh hubungan yang masih baru itu¹³⁴. Namun demikian, kadang kala terdapat pembatalan dari salah satu pihak samada pihak suami atau isteri terhadap perkahwinan tersebut. Perkara ini menimbulkan beberapa pandangan dikalangan *fuqahā`*. Jika yang diberikan itu merupakan bahagian dari mahar, maka calon suami berhak meminta dipulangkan semula barang yang diberikan senilai dengan pemberian atau sejenisnya, samada dalam keadaan rosak ataupun tidak. Perkara ini berlaku kerana mahar dibayar oleh calon suami untuk pelaksanaan perkahwinan,¹³⁵ walaupun pembatalan tersebut dari pihak lelaki. Ini merupakan pandangan Mazhab Syafi`i dalam permasalahan mahar.¹³⁶ Alasan ini disebabkan kerana perkahwinan tersebut belum terlaksana. Oleh itu, pihak

¹³⁴ *Ibid.*, h. 20.

¹³⁵ *Ibid.*, h. 21.

¹³⁶ Sālim Ibn `Abd al-Ghanī al-Rāfi`i (2002), *op. cit.*, h. 223. Peunoh Daly (2003), *op. cit.*, h. 123.

perempuan belum mempunyai hak terhadap mahar tersebut dan wajib dipulangkan semula kepada pihak lelaki.¹³⁷

Manakala golongan Hanafiah berpandangan, apabila calon pengantin lelaki memberikan hantaran atau sejenisnya kepada calon pengantin perempuan atas dasar kasih sayang dan kecintaan diantara mereka berdua, kemudian terjadinya pembatalan pernikahan, maka wajiblah dipulangkan semula sekiranya barang tersebut masih ada. Tetapi bila barang tersebut didapati telah rosak, maka tidak ada kewajiban untuk memulangkannya dan gugurlah hak bagi pihak suami karena ianya merupakan barang *hibah*.¹³⁸

Sedangkan Malikiyah pula melihat dari sudut pihak yang membatalkan pernikahan. Apabila pihak yang membatalkannya merupakan pihak lelaki maka apa-apa yang telah diberikan tidak akan dipulangkan semula. Tetapi apabila yang membatalkannya dari pihak perempuan maka wajiblah dipulangkan barang yang diberikan samada dalam keadaan baik atau rosak.¹³⁹ Kecuali jika adanya suatu kebiasaan amalan (*`urf*) dalam masyarakat tersebut atau adanya persyaratan dalam pemberian tersebut.¹⁴⁰

Secara umum, hadiah atau pemberian sebelum perkahwinan yang diberikan tidak mengharapkan apa-apa balasan maka hukumnya sama dengan hukum *hibah*. *Hibah* tidak

¹³⁷ Al-Sayyid Sābiq (tt), *op. cit.*, h. 21.

¹³⁸ Lihat Muḥammad Abū Zahrah (tt), *op. cit.*, h. 39. Peunoh Daly (2003), *op. cit.* h. 122.

¹³⁹ Lihat Muḥammad Nabīl Sa`īd al-Thādhālī (1989), *op. cit.*, h. 38. Al-Sayyid Sābiq (tt), *op. cit.*, h. 21.

¹⁴⁰ Lihat Muḥammad Abū Zahrah (tt), *op. cit.* h. 38.

boleh diambil semula kerana merupakan suatu derma sukarela dan tidak bersifat sebagai pengganti dari sesuatu. Akan tetapi jika pemberi sebelumnya melakukan perjanjian terlebih dahulu dengan mengharapkan balasan dari penerima dan penerima tidak dapat memberikan balasan tersebut, maka pemberi dapat meminta haknya untuk dipulangkan.¹⁴¹

Namun apa yang perlu diberi perhatian, apabila hantaran atau pemberian yang merupakan penguat janji untuk melaksanakan perkahwinan antara kedua-dua pihak, maka hendaklah janji tersebut dipenuhi. Apatah lagi janji tersebut mengandungi masalah antara kedua-dua pihak keluarga dan kedua-dua calon mempelai. Maka tidak sewajarnya orang tua mengingkari janji yang telah disepakati. Al-Qurān juga telah memerintahkan untuk menepati janji,¹⁴² samada dengan Allah ataupun manusia.¹⁴³ Begitu juga yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW selama janji tersebut bersesuaian dengan *kitab Allah* dan *sunnah rasul*.¹⁴⁴

2.13. Perbezaan di Antara Mahar, Hantaran dan Hadiah

Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, mahar secara umumnya bermaksud suatu pemberian dari seorang lelaki kepada seorang wanita yang dinikahinya.¹⁴⁵

Manakala hadiah disebut juga pemberian kepada seseorang kerana penghargaan, untuk

¹⁴¹ Al-Sayyid Sābiq (tt), *op. cit.*, h. 21.

¹⁴² Lihat al-Qur`ān sūrah Banī Isrā`īl (17): 34 dan sūrah Al-Mā'idah (5); 1.

¹⁴³ Al-Suyūṭī (1941), *Tafsīr al-Jalālayn*, j.1. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 247.

¹⁴⁴ `Alī Ibn Muḥammad al-Shawkānī (1964), *Faṭḥ al-Qodīr*, j. 2. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 4.

¹⁴⁵ Lihat selengkapnya di bab dua, h. 26.

kenang-kenangan atau sebagai penghormatan.¹⁴⁶ Adapun dalam perkataan arab hantaran disebut juga dengan istilah *hibah*, iaitu pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik.¹⁴⁷ Maka hantaran pada dasarnya merupakan sejumlah wang (harta) yang diberikan oleh pengantin lelaki kepada pihak perempuan sewaktu upacara perkahwinan.¹⁴⁸

Dari keterangan diatas dapat disimpulkan bahawa hantaran mempunyai maksud yang sama dengan hadiah atau *hibah*, dan pemberian. Perbezaan yang jelas antara keduanya adalah hantaran diberikan semasa akan berkahwin oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Manakala hadiah diberikan kepada sesiapa sahaja bila-bila waktu dengan tujuan yang baik. Meskipun berbeza pada maksud dan tujuannya menurut adat dan budaya masyarakat setempat tetapi amalannya adalah sama dengan maksud hadiah atau pemberian.¹⁴⁹ Mahar pula diwajibkan kerana disebabkan berlakunya perkahwinan yang sah.

2. 14. Kesimpulan

Dalam kaitannya dengan peraturan-peraturan perkahwinan, Islam telah mewajibkan mahar atau juga mahar keatas suami. Mahar merupakan pemberian berupa barang ataupun harta benda daripada calon suami kepada calon isteri semasa pernikahan. Akan tetapi kerana jumlahnya mesti mengikut kemampuan dan keredhaan

¹⁴⁶ Noresah bt Baharom (2005), *op. cit.*, h. 497.

¹⁴⁷ *Ibid.*, h. 530.

¹⁴⁸ Raihanah Azahari *et al* (2009), "Hubungan di Antara Faktor Demografi Dengan Penentuan Kadar Hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak". *Jurnal fiqh*, no. 6. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian, Islam Universiti Malaya, h. 111.

¹⁴⁹ *Ibid.*

antara kedua-dua belah pihak yang memberi dan menerima maka Islam tidak menetapkan kadar jumlahnya. Namun apabila telah ditetapkan, ia menjadi bagian yang harus dipertanggungjawabkan oleh suami, kerana ia menjadi hak mutlak pengantin perempuan.

Manakala hantaran merupakan tradisi dan adat istiadat yang telah berakar umbi dalam kalangan masyarakat setempat yang tidak ada satu pun dalil di dalam al-Qur`ān dan *al-sunnah* yang menyatakan hukum beramal dengan amalan tersebut dalam perkahwinan. Rasulullah s.a.w. pula menyarankan agar mempermudah dalam urusan perkahwinan, dengan merendahkan nilai mahar dan menyegerakan *walimah*.

Kerana berbeza dengan mahar, hantaran bukanlah hak mutlak pengantin perempuan, ia kerap kali digunakan untuk belanja sewaktu mengadakan majlis perkahwinan yang terkadang disalah ertikan sebagai kemewahan dan dapat membezakan status seseorang dalam masyarakat. Sehingga terkadang memberatkan pihak lelaki yang ingin cepat berkahwin untuk menjaga kesucian diri dan kemurnian maruahnyanya.